

15/12/1998

Kempen rangsang sektor perumahan

PEMAJU hartanah yang menyertai Kempen Pemilikan Rumah mendapat reaksi memberangsangkan daripada bakal pembeli terhadap projek kediaman dan ruang niaga yang ditawarkan di bawah kempen itu yang berlangsung selama sebulan.

Sejak dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu lalu, kempen itu mampu menarik pembeli untuk membuat pilihan bijak bagi memiliki hartanah dalam situasi ekonomi semasa.

Kempen selama sebulan itu yang bermula 12 Disember lalu hingga 12 Januari depan mampu menjadi pemangkin bagi merangsang semula pembangunan sektor hartanah negara.

Beberapa pemaju yang dihubungi melahirkan puas hati terhadap sambutan pembeli menerusi kempen berkenaan, malah mereka yakin sentimen itu berupaya menyokong pertumbuhan semula industri hartanah.

Eksekutif Jualan Negara Properties (M) Bhd, Susan Tan, berkata kumpulan mula menerima banyak panggilan daripada orang ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai projek kumpulan, Saujana Impian Kajang di Selangor.

Menurut beliau, projek Saujana Impian Kajang yang kini 50 peratus siap dibangunkan dijangka siap sepenuhnya akhir tahun depan turut menawarkan rangkaian rumah teres, berkembar dan kediaman bandar.

"Jika sebelum ini, reaksi yang diterima agak lembab tetapi sokongan kempen seumpama mampu membuktikan keupayaannya menarik semula pembeli."

"Dengan potongan 10 peratus bagi semua kaum dan tambahan lima peratus kepada Bumiputera juga dilihat sebagai faktor utama mencerikan semula penjualan unit kediaman dan ruang niaga," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, jurucakap Rawang Lake Sdn Bhd, berkata sejak kempen bermula kumpulan itu juga tidak terkecuali menerima maklum balas lebih positif berbanding sebelumnya bagi pemilikan kediaman satu dan dua tingkat projek Bandar Tasik Puteri yang sedang dimajukan.

Dengan menawarkan kos kediaman minimum RM92,000 selepas potongan harga untuk unit rumah satu tingkat, syarikat itu percaya usaha berkenaan mampu membantu pembeli memiliki kediaman pada harga lebih menarik.

Pemaju Kajang Utama Sdn Bhd yang membangunkan projek Taman Seraya dan Taman Kajang juga menerima banyak pesanan daripada pembeli.

"Sambutan yang diterima bukan sahaja dari Lembah Klang tetapi juga Seremban," kata jurucakapnya.

Menerusi Kempen Pemilikan Rumah, pembeli akan menikmati potongan istimewa 10 peratus daripada harga rumah sepanjang kempen besar-besaran itu, manakala pembeli Bumiputera pula akan menikmati kelebihan diskaun lima peratus.

Kempen berkenaan yang disertai lebih 260 pemaju hartanah bertujuan memulihkan sektor hartanah turut membuktikan komitmen kerajaan dengan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia, Persatuan Pemaju Perumahan (HDAM), Persatuan Bank-Bank Malaysia dan Institusi Kewangan.

"Projek Subang Damai juga memanfaatkan peluang yang ditawarkan kempen ini malah syarikat menerima tempahan daripada bakal pembeli," kata jurucakap Bandar Subang Sdn Bhd.

(END)